

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 9

Tuan Muslimin Bin Yahaya (Sungai Besar) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah cadangan untuk menaikkan geran tahunan kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) termasuk elauan kakitangan PAWE yang masih di bawah garis kemiskinan iaitu RM650 sebulan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat perbezaan antara elaun dan gaji, di mana elaun merupakan bayaran yang diberikan kepada seseorang yang bertugas secara sukarela di sesebuah organisasi seperti di PAWE. Manakala gaji adalah suatu pemberian upah tetap yang diberikan oleh majikan kepada pekerja.

Penyelia dan Pembantu Penyelia PAWE yang dilantik merupakan sukarelawan yang bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan aktiviti di PAWE. Kementerian telah memperuntukkan bantuan kewangan pengoperasian PAWE sebanyak **RM33,330.00** setahun yang merangkumi kos tenaga kerja (elaun sukarela RM650.00), pengurusan dan pengoperasian serta program dan aktiviti di PAWE. Ia merupakan pemberian peruntukan asas oleh Kerajaan kepada NGO yang mengendalikan sesebuah PAWE untuk melaksanakan pengoperasian bagi tempoh satu tahun.

Kementerian juga amat menggalakkan agar PAWE berusaha menjana pendapatan bagi mendapatkan dana tambahan dengan mengadakan pelbagai aktiviti penjanaan pendapatan seperti jualan produk PAWE, sumbangan badan korporat, peruntukan ahli parlimen atau pun ahli dewan negeri kawasan setempat dan sebagainya. Dana tambahan ini dapat membantu PAWE untuk melaksanakan pelbagai aktiviti tambahan untuk kesejahteraan warga emas dan seterusnya meningkatkan elaun mereka.

Sejak tahun 2001 hingga 2018, sebanyak **88** buah PAWE telah diwujudkan dengan **37,279** orang warga emas yang berdaftar. Bagi tahun 2019, Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk menubuhkan sekurang-kurangnya 45 buah PAWE dan akan menjadikan bilangan di akhir tahun ini dijangka berjumlah 133 buah PAWE. Usaha ini adalah selaras dengan cadangan bagi mewujudkan satu PAWE bagi setiap kawasan Parlimen iaitu 222 buah PAWE seluruh Malaysia.